

MADRASAH AL-AHMADIAH AL-ISLAMIAH DI NARATHIWAT, THAILAND DAN KOLEKSI AL-QURAN: SATU KAJIAN DESKRIPTIF

Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah in Narathiwat, Thailand and Quran Collections: A Descriptive Analysis

Dr. Syed Najihuddin Syed Hassanⁱ Norhasnira Ibrahimⁱⁱ Dr. Abdulloh Salaehⁱⁱⁱ
 Nidzamuddin Zakaria^{iv} & Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi^v

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. syednajihuddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. norhasnira@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. abdulloh@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. nidzamuddin@usim.edu.my

^v Penyelidik, Universiti Sains Islam Malaysia. hudazainuzi@gmail.com

Article Progress

Received: 30 Oktober 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 26 December 2018

Abstrak (Contoh)	Abstract (Example)
<p><i>Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah adalah salah sebuah pusat pendidikan Islam yang diasaskan di Narathiwat, Thailand. Madrasah ini telah diasaskan oleh ilmuwan tempatan bernama Haji Ahmad bin Samae. Madrasah ini turut berperanan sebagai pusat pengumpulan manuskrip Melayu dan Islam di Selatan Thailand. Artikel ini bertujuan menyelidik latarbelakang institusi dan juga menyenaraikan koleksi manuskrip yang terdapat di situ. Metode kualitatif telah digunakan dalam mengumpulkan data kajian. Data telah dikumpulkan melalui temubual serta kajian kepustakaan yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 70 naskhah manuskrip Quran pelbagai saiz yang telah dipulihara. Kajian ini adalah penting dalam usaha memelihara, memartabatkan institusi tersebut serta dapat meningkatkan mobiliti akademik dalam pemuliharaan dan pengkajian khazanah manuskrip Nusantara.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Madrasah al-Ahmadiyah al-</i></p>	<p><i>Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah is one of the Islamic educational centers founded in Narathiwat, Thailand. This Madrasah was founded by local scholar Haji Ahmad bin Samae. The Madrasah also serves as the center for the collection of Malay and Islamic manuscripts in Southern Thailand. This article is aimed at investigating the background of the institution, and also listing the collection of manuscripts found there. Qualitative method has been used by applying the method of subject determination. Data was obtained from interview as well as books and paperworks that related to this topic. The finding showed that there are 70 manuscripts of Quran with different sizes have been conserved. This study is important in the effort to preserve and uplift the institution as well as increase academic mobility in maintaining and studying manuscripts of Malay's Archipelago.</i></p> <p>Keyword(s): <i>Madrasah al-Ahmadiyah al-</i></p>

PENDAHULUAN

Kedatangan Islam di nusantara telah diperkuatkan lagi penyebarannya oleh sejumlah ulama' yang tidak jemu untuk menyampaikan ilmu sepanjang zaman. Benarlah ulama' itu dimuliakan sebagai pewaris nabi disebabkan oleh peranan mereka yang menyebarkan ilmu yang dipelajari dan disampaikan kepada generasi seterusnya. Seperti yang kita maklum, agama Islam yang dipelajari berpaksikan Quran dan Sunnah telah dipelajari, disampaikan dan diamalkan oleh generasi demi generasi hingga ke hari ini. Sebagai tanda mendokong usaha-usaha para ulama' dalam menyebarkan ilmu mereka, beberapa institusi pengajian telah ditubuhkan bagi memudahkan proses penyebaran ilmu dilakukan. Antara institusi pengajian yang dimaksudkan ialah masjid, pondok, madrasah dan sekolah.

Kertas kerja ini membincangkan tentang salah sebuah institusi yang berperanan sebagai Pusat Pendidikan Islam yang bertapak di Narathiwat, Thailand. Institusi yang dimaksudkan ialah Madrasah Ahmadiyah. Madrasah ini turut menjadi Pusat Pengumpulan Manuskrip Melayu dan Islam di Selatan Thailand. Perbincangan berkisar dari aspek tinjauan dan kajian yang menyelidik latar belakang institusi dan juga menceritakan mengenai koleksi manuskrip yang tersimpan di situ.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kepada pasukan penyelidik. Data yang dikumpulkan akan dianalisis mengikut metodologi yang bersesuaian agar hasil dapatan kajian dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Antara objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti sejarah penubuhan institusi
2. Mengkaji latar belakang institusi.
3. Menyenaraikan manuskrip yang terdapat di institusi tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berpaksikan metode kualitatif yang mengambil pendekatan analisis deskriptif terhadap data kajian. Dalam pengumpulan data kajian, kumpulan penyelidik telah menggunakan temubual dan analisis dokumen sebagai sumber utama. Temubual tersebut telah dilaksanakan pada 3 - 4 Julai 2016 dan 29 Ogos 2017 di Madrasah Ahmadiyah. Responden utama ialah mudir madrasah sendiri Ustaz Muhammad Lutfi Ahmad Samae dan adiknya Ustazah Hazamah Ahmad Samae. Mereka telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang sesi temubual berlangsung.

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI THAILAND

Institusi Pondok di Pattani

Pattani berperanan sebagai pusat pengembangan agama Islam dengan tertubuhnya pondok-pondok pengajian Islam. "Pondok" berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bererti rumah tumpangan. Di Pattani, pondok-pondok yang dibina adalah berupa rumah-rumah kecil yang memuatkan seramai tiga hingga empat orang pelajar dalam satu masa. Ia didirikan secara tradisional, dengan berindingkan buluh dan beratap daun nipah oleh para pelajar sendiri. Pondok kebiasaannya terletak berhampiran dengan masjid ataupun surau bagi memudahkan para pelajar datang dari jauh untuk menuntut ilmu dan tinggal seketika di situ (Nik Mohamed bin Nik Salleh, 1985).

Pendidikan agama Islam yang berlangsung di pondok adalah berbentuk tidak formal. Institusi pondok di sana banyak diasaskan oleh para ilmuwan melayu pattani yang telah mendapat pendidikan dari Timur Tengah. Ini adalah kerana hubungan keagamaan yang sangat rapat antara penduduk tempatan dengan pedagang Arab. Mereka berpeluang untuk menuntut ilmu di Kota Suci Makkah dan sekembalinya ke tanah air mereka mengasaskan pondok-pondok dan mula mengajar ilmu agama kepada masyarakat tempatan. Di antara pondok-pondok yang termasyhur di Pattani pada abad ke-19M dan awal abad ke-20M adalah seperti: Pondok Kampung Sena Pattani yang diasaskan oleh Faqih Wan Musa bin Wan Muhammad Saleh al-Laqihi pada pertengahan abad ke 16M. Pondok pengajian ini dicatatkan sebagai pondok yang pertama yang telah dibina di Pattani, Thailand (Ahmad Fathy al-Fatani, 2002).

LATAR BELAKANG PENGURUS MADRASAH AHMADIAH

Nama penuh beliau ialah Haji Muhammad Lutfi bin Haji Ahmad bin Osman Samae. Beliau yang merupakan anak kedua dari tiga beradik, telah dilahirkan di kawasan pondok atau Madrasah Ahmadiyah pada tahun 1967. Isterinya bernama Hamidah binti Rasak yang berasal dari Teluk Deraman, Pattani. Perkahwinan mereka dikurniakan lima orang cahayamata iaitu Muhammad Amin, Makmun, Badruddin, Izzuddin dan Usamah (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).

Pendidikan


Muhammad Lutfi telah memulakan pendidikan awalnya di Madrasah Ahmadiyah yang diuruskan oleh bapanya sendiri iaitu Syeikh Haji Ahmad bin Osman Samae sehingga ke peringkat thanawi. Dalam pada itu, beliau turut mengikuti pengajian akademik di Madrasah al-Tarkiyah al-Islamiah di Narathiwat. Setelah menamatkan pengajian di madrasah tersebut dan juga pengajian akademik, beliau melanjutkan pengajian di peringkat diploma dalam pengkhususan al-Wa'z wa al-Irsyad di Ma'ahad Ta'hil al-A'immah wa al-Khutaba', di bawah seliaan Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, Jordan. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang tafsir dan ulum al-Quran di Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Jordan (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).

Kemudian itu, beliau telah dibiayai oleh Kerajaan Thailand untuk melanjutkan pengajiannya pada peringkat pasca siswazah dalam bidang pengurusan pendidikan. Biasiswa itu diberikan khas kepada pentadbir sekolah atau madrasah sepertinya untuk memperkasakan kualiti pentadbiran sekolah. Beliau memulakan pengajian ini pada tahun 2010 dan telah tamat pengajian sarjananya pada tahun 2011 (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).



Pengkaji bersama Ustaz Haji Muhammad Luthfi

Setelah menamatkan pengajian di Jordan dengan jayanya, beliau kembali ke tanah air untuk berbakti kepada Madrasah Ahmadiyah semula. Sekarang beliau menjawat jawatan sebagai mudir (pengetua) dan pengurus kepada madrasah tersebut. Di samping itu, beliau juga menubuhkan satu pusat manuskrip yang menempatkan sejumlah besar koleksi manuskrip yang telah dikumpulkannya dari seluruh nusantara di samping koleksi manuskrip yang telah dihadihkan oleh pelbagai pertubuhan serta agensi seluruh dunia (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).



Bangunan Madrasah Ahmadiyah

Muhammad Lutfi (3 Julai 2016) telah berguru dengan beberapa orang guru dari kalangan ulama Melayu dan Arab, antaranya:

1. Ustaz Mahmud

2. Ustaz Muhammad Saufi
 3. Ustaz Arifin
 4. Ustaz Abdul Hamid Che' Long
 5. Ustaz Saleh Putat
 6. Syeikh Abdul Rahman Sa'ud
 7. Syeikh Dr. Solah Al-Khalidi
 8. Syeikh Dr. Hammad Said
 9. Syeikh Dr. Fadhl Hasan Abas
 10. Syeikh Dr. Syaraf Al-Qudhah
 11. Syeikh Dr. Abd Salam Al-'Abadi
 12. Syeikh Nafi'
 13. Syeikh Ishak Ahmad Farhan
 14. Syeikh Rajih Al-Kurdi
- Guru-guru al-Quran beliau:
1. Syeikh Abu Syusyah
 2. Syeikh Bisyr Al-Kailani
 3. Syeikh Ilyas Abd Ghani

Anugerah Yang Telah Diperolehi

Madrasahnyanya pernah memenangi Anugerah Diraja bagi Sekolah Terbaik di peringkat Wilayah Narathiwat dari aspek pentadbiran. Beliau juga pernah dianugerahkan sebagai Penjaga Artifak Terbaik daripada Kerajaan Thailand pada tahun 2014. Beliau juga telah dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa majlis keamanan negara pada zaman Perdana Menteri Thaksin Sinawatra tahun 2013. Menjadi ketua yayasan museum kesenian Islam dan kebudayaan Melayu atau pusat pengajian Quran/manuskrip. Beliau juga pernah dilantik sebagai ketua sumbangan, perkembangan zakat dan ketenteraman negara. Di samping itu, beliau juga merupakan ahli jawatankuasa persatuan alumni pelajar kelulusan timur tengah di bawah penyeliaan tentera darat Thailand bagi wilayah selatan Thailand (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

Murid

Muhammad Lutfi (3 Julai 2016) berjaya melahirkan ramai dalam kalangan pelajar yang cemerlang dan berjasa kepada masyarakat selatan Thailand, antara murid-murid beliau ialah:

1. Dr. Tayyib bin Ahmad (doktor falsafah)
2. Sya'ari Tanjung Lima
3. Dr Naemah Saleh (doktor perubatan)
4. Dr Sanuri Ismail (doktor perubatan)
5. Ahmad b. Saleh (jurutera elektrik)

PUSAT MANUSKRIP MADRASAH AHMADIAH

Sejarah Penubuhan

Kejadian tsunami yang turut melanda selatan Thailand pada 2004 mempunyai hikmahnya tersendiri terhadap sebuah sekolah pondok yang terletak di Bacho, Narathiwat, wilayah paling selatan di negara tersebut. Madrasah Ahmadiyah Islamiah yang dahulunya seperti sekolah-sekolah pondok biasa yang lain, mula mencatat nama di peta dunia sejak tragedi bencana alam itu. Kisahnya bermula apabila wakil kerajaan Turki datang ke negara tersebut untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa tsunami. Selepas bantuan dihulurkan, wakil Turki berkenaan berkunjung ke Narathiwat bagi melihat sendiri negeri kelahiran sebahagian besar ulama Nusantara yang antaranya turut menyumbang kepada peradaban Islam dunia, yang sebelum ini hanya diketahui oleh mereka melalui pembacaan sama ada menerusi buku mahu pun melalui alam maya. (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017)

Setibanya di Madrasah Ahmadiyah Islamiah, mereka terkejut dan berasa teruja kerana di sekolah yang begitu daif keadaannya itu, tersimpan begitu banyak Quran lama tulisan tangan. Quran tersebut yang dipercayai berasal dari Andalusia (Sepanyol), Arab, Indonesia, Tanah Melayu (Malaysia) dan Thailand sendiri, didapati berusia antara 200 hingga 700 tahun. Namun begitu, mereka telah mendapati sebahagian besar koleksi tersebut berada dalam keadaan yang sangat uzur dan hanya menanti masa untuk musnah. Menyedari nilai khazanah itu, wakil Turki berkenaan terus menawarkan diri untuk bekerjasama dengan pihak sekolah pondok terbabit untuk memulihara kitab-kitab tersebut. Sehingga ke hari ini, kitab-kitab suci tersebut akhirnya dapat diselamatkan dengan sebahagiannya dibaik pulih di sekolah pondok itu sendiri manakala sebahagian lagi yang rosak teruk telah dihantar ke Turki (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

Kesemua perbelanjaan tersebut telah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Turki, malah mereka mengupah tiga orang tempatan untuk melakukan kerja-kerja memulihara manuskrip di sekolah berkenaan. Sejak daripada itu, Madrasah Ahmadiyah Islamiah telah tidak putus-putus menerima kunjungan khususnya dari negara-negara serantau, lebih-lebih lagi apabila kini sudah mempunyai pusat manuskripnya sendiri (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

Faktor dan Kecenderungan Ke Arah Pengumpulan Manuskrip

Manuskrip ini pada awalnya hanya mempunyai 13 buah kesemuanya. 12 buah berasal daripada Alam Melayu manakala sebuah daripada Yaman. Setelah itu sebanyak 76 buah manuskrip khususnya dalam bidang Quran dihimpunkan sehingga kini. Menurut Haji Lutfi, 76 buah manuskrip tersebut berasal daripada Nusantara iaitu Kedah, Aceh, Indonesia-Kampung Mongol, Yaman, Persia-Wafawiah, Kufi, Mesir dan Andalus. Dalam masa 5 tahun, Haji Lutfi telah berusaha bersungguh-sungguh menghimpunkan manuskrip tersebut rentetan usaha kerajaan Turki yang telah membuat pemuliharaan terhadap manuskrip tersebut. Di samping itu, beliau turut mengumpulkan manuskrip selain Quran

dan barang artifak yang berkaitan teknologi umat Melayu masa dahulu (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).

Ahli Jawatankuasa Pusat Manuskrip


Setelah tertubuhnya pusat manuskrip ini, ahli jawatan kuasa telah ditubuhkan bagi membantu kelancaran dari segi aspek pengumpulan dan pemuliharaan manuskrip-manuskrip yang terdapat di pusat manuskrip tersebut. Ahli jawatan kuasa yang terlibat terdiri daripada guru-guru dan tenaga pengajar di Madrasah Ahmadiyah itu sendiri (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016). Antaranya ialah :

1. Ustaz Mahmud Ahmad (Wakil Guru Agama)
2. Ustaz Muhammad Suji Tahir (Ketua Agama (Ketua Agama Daerah)
3. Ustaz Arifin Samuh (Ahli Masyarakat)
4. Ustaz Akhuya Haji Sami (Yang Berkhidmat)
5. Ustazah Awatif Munah (Ketua Badan Pelajar dan Akademik)
6. Hazami Salih (Wakil Guru Akademik)
7. Aminah Sarimah (Pelatih)
8. Hazmah Samud (Pelatih)
9. Muhammad Lutfi Sami (Ketua Pentadbiran)

Pasukan Pengumpul Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip ini di lakukan terdapat dua orang yang penting dan bertanggungjawab dalam menguruskan aspek pengumpulan manuskrip. Mereka adalah Ustaz Muhammad Lutfi sendiri dan Ustaz Ahmad Kelaba. Mereka berdua telah berjaya mengumpulkan manuskrip dalam pelbagai bidang dan tidak hanya tertumpu kepada manuskrip Quran sahaja (Muhammad Lutfi, 3 Julai 2016).

Organisasi Pencarian Manuskrip dan Artifak



Sumber: Muhammad Lutfi (3 Julai 2016)

Waktu Operasi Pusat manuskrip

Waktu operasi pusat manuskrip adalah 9 pagi hingga 5 petang dibuka setiap hari termasuk cuti umum.

Bidang-Bidang Manuskrip

Selain al-Quran, Pusat Manuskrip Madrasah Ahmadiyah Islamiah yang kini memiliki kira-kira 800 pelajar dan 74 guru turut menyimpan sejumlah manuskrip Melayu lama yang bertulisan jawi. Apa yang menakjubkan, sebahagian manuskrip tersebut menceritakan tentang teknologi purba yang diguna pakai orang Melayu pada masa dahulu. Antaranya mesin menghasilkan gula, cara membuat keris, cara membuat perahu, ilmu pelayaran, ilmu perubatan dan sebagainya. Menurut Haji Lutfi, selepas kerajaan Turki menjalin kerjasama dalam kerja-kerja memulihara Quran di sekolah berkenaan timbul hasrat di hatinya untuk menghimpunkan kitab-kitab lama termasuk manuskrip Melayu khususnya dari kawasan sekitar Thailand. Hasilnya beliau bukan sahaja menemui khazanah istimewa tersebut, malah beliau menemui pelbagai alatan purba yang pernah digunakan pada zaman dahulu yang masih berada dalam keadaan baik (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

Hasil daripada usaha pengumpulan yang telah dilakukan oleh pihak Yayasan Pusat Manuskrip Kesenian Islam Dan Kebudayaan Melayu Selatan Thailand (Pattani) yang diasaskan dan dipengerusikan oleh beliau, telah dapat dikumpulkan manuskrip kitab tulisan melayu lama dalam 15 bidang keilmuan seperti berikut:

1. Ilmu asal kejadian alam dan sejarah
2. Ilmu manusia dan makhluk penciptanya
3. Ilmu astronomi falak
4. Ilmu faraid
5. Ilmu matematik
6. Ilmu perubatan
7. Ilmu ramalan dan ta'bir
8. Ilmu sains hayat/sains fizik
9. Ilmu tasawwuf/aqidah/fiqh
10. Ilmu falsafah/adat dan bahasa
11. Ilmu teknologi kejuruteraan
12. Ilmu tajwid
13. Ilmu pelayaran dan kompas perjalanan laut
14. Ilmu kesusasteraan
15. Ilmu jampi gambar untuk menahan diri (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017)

Cabaran Semasa Proses Pengumpulan Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip dilakukan terdapat pelbagai masalah yang timbul antaranya sebahagian pemilik manuskrip tidak mengetahui bahawa bernilainya manuskrip pada masa kini. Selain itu, ada di antara pemilik

manuskrip yang tidak mengizinkan manuskrip dibuka kerana wasiat daripada waris mereka yang merupakan pemilik awal manuskrip tersebut. Pada awalnya mereka takut untuk menyerahkan manuskrip tersebut kerana tidak mempunyai kesefahaman dan khawatir akan timbul masalah keamanan serta bimbang manuskrip tersebut akan diserahkan kepada Siam (Kerajaan Thailand). Selain itu, pencarian manuskrip menjadi terbantut kerana ketiadaan pemilik manuskrip di rumah yang mereka kunjungi. Sebagai ikhtiar yang dilakukan dalam pencarian manuskrip yang dikatakan telah hilang dalam simpanan pewarisnya, mereka telah menggunakan minyak khas yang dahulunya digunakan untuk menulis manuskrip. Dengan izin Allah, mereka berhasil menemui manuskrip itu di tempatnya (Muhammad Lutfi, 29 Ogos 2017).

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh pasukan penyelidik sepanjang tempoh kajian dilakukan yang merujuk kepada koleksi Quran yang terdapat di Pusat Manuskrip tersebut:-

Deskripsi Koleksi Quran di Pusat Manuskrip

No	Ukuran		Keterangan Ringkas		
	Panjang X Lebar X Tinggi (cm)	Berat (gram)	Bilangan Mukasurat	Keadaan	Jenis Tulisan Khat
#1	29 X 19 X 5	1550	574	Baik	Thuluth
#2	32 X 21 X 8	2810	706	Baik	Thuluth & Nasakh
#3	29 X 20 X 5	1495	620	Baik	Thuluth
#4	32 X 22 X 8	2200	630	Baik	Thuluth
#5	21 X 17 X 6	1005	604	Baik	Thuluth
#6	28 X 20 X 5	1600	610	Baik	Thuluth
#7	28 X 20 X 7	2010	616	Baik	-
#8	30 X 21 X 6	1900	526	Baik	-
#9	29 X 20 X 2	510	128	Rosak	-
#10	28 X 19 X 5	2010	390	Baik	Nasakh
#11	30 x 20 x 2	995	238	Rosak	-
#12	34 X 21 X 7	2510	800	Baik	Thuluth
#13	38 X 25 X 7	3600	640	-	-
#14	39 X 25 X 5	2500	330	Rosak	Thuluth
#15	17 X 11 X 2	300	206	Baik	Nasakh
#16	32 X 22 X 2	705	128	Rosak	Thuluth
#17	28 X 19 X 5	1600	307	Rosak	Nasakh
#18	29 X 22 X 1	410	76	Rosak	-
#19	32 X 20 X 5	2105	522	Rosak	Nasakh
#20	31 X 22 X 6	2200	684	Rosak	Thuluth
#21	32 X 20 X 5	2290	606	Rosak	Nasakh
#22	38 x 28 x 3	2005	288	Baik	Thuluth
#23	28 X 19 X 5	1400	626	Rosak	Thuluth

#24	25 X 19 X 5	1100	424	Baik	Thuluth
#25	31 X 22 X 5	1600	396	Baik	Nasakh
#26	32 X 20 X 5	2000	516	Rosak	Thuluth & Nasakh
#27	28 X 19 X 5	1400	498	Rosak	Thuluth
#28	31 X 22 X 5	1750	466	Rosak	Thuluth & Nasakh
#29	32 X 21 X 5	2800	606	Rosak	Thuluth & Nasakh
#30	27 X 20 X 6	1650	-	Baik	Thuluth
#31	27 X 20 X 6	2300	608	Rosak	Thuluth
#32	30 X 20 X 5	1800	548	Rosak	Thuluth & Nasakh
#33	32 X 20 X 5	1900	568	Rosak	Nasakh
#34	32 X 22 X 5	2300	482	Rosak	Nasakh
#36	30 X 20 X 5	1400	404	Rosak	Thuluth & Nasakh
#37	19 X 15 X 5	1010	604	Rosak	Nasakh
#38	20 X 16 X 3	510	294	Rosak	Nasakh
#39	25 X 18 X 11	2400	1064	Rosak	Nasakh
#40	22 X 17 X 6	1000	542	Rosak	Thuluth
#41	18 X 15 X 5	999	600	Rosak	Thuluth & Nasakh
#42	20 X 16 X 6	850	600	Rosak	Nasakh
#43	30 X 20 X 5	1300	606	Rosak	Nasakh
#44	26 X 18 X 5	1300	606	Rosak	Nasakh
#45	29 X 21 X 6	2800	720	Baik	Thuluth
#46	33 X 32 X 10	3490	498	Baik	Nasakh
#47	26 X 20 X 5	1408	580	Rosak	Thuluth & Nasakh
#48	21 X 18 X 7	1200	610	Rosak	Thuluth
#49	21 X 18 X 4	1080	460	Baik	Nasakh
#50	24 X 19 X 7	1080	460	Baik	Nasakh
#51	30 X 20 X 5	1580	600	Baik	Nasakh
#52	34 X 22 X 1.5	700	102	Rosak	Thuluth
#53	40 X 30 X 5	4410	382	Baik	Thuluth
#54	29 X 21 X 3	850	328	Rosak	Thuluth
#55	26 X 20 X 2	600	170	Rosak	Thuluth
#56	27 X 20 X 2	400	92	Rosak	Thuluth
#57	21 X 16 X 2	330	140	Rosak	Thuluth
#58	21 X 17 X 3	680	250	Rosak	Thuluth
#59	20 X 16 X 9	520	366	Rosak	Thuluth
#60	29 X 20 X 5	1200	360	Rosak	Thuluth
#61	34 X 21 X 2	805	138	Rosak	-
#62	28 X 20 X 2	505	140	Rosak	-
#63	29 X 21 X 3	595	96	Rosak	Thuluth
#64	29 X 20 X 2	520	118	Rosak	Thuluth
#65	30 X 20 X 3	802	158	Rosak	-
#66	30 X 20 X 3	802	158	Baik	-
#67	34 X 21 X 3	910	194	Rosak	-
#68	30 X 23 X 2	910	194	Rosak	-
#69	30 X 23 X 2	1010	212	Rosak	-

#70	31 X 21 X 4	1400	258	Rosak	Nasakh
-----	-------------	------	-----	-------	--------

Sumber: Syed Najihuddin et. al. (2018)

Didapati sebahagian besar manuskrip Quran yang ada telah rosak semasa perolehan, namun 22 naskhah manuskrip Quran masih dalam keadaan baik. Kerosakan itu berlaku disebabkan kaedah penyimpanan yang tidak sistematik serta ancaman makhluk perosak yang memakan sebahagian bahan. Terdapat juga manuskrip yang mempunyai kesan terkena air berkemungkinan hujan. Manuskrip #35 pula tidak mempunyai maklumat lengkap untuk dicatat. Senarai ini merupakan Quran yang telah dipulihara oleh kerajaan Turki dan telah dipulangkan kepada Pusat Manuskrip tersebut (Syed Najihuddin et.al., 2018).

KESIMPULAN

Pusat Manuskrip ini telah ditubuhkan oleh Muhammad Lutfi iaitu anak kepada pengasas Madrasah Ahmadiyah Syeikh Ahmad bin Osman Samae. Biarpun terdapat pelbagai masalah yang timbul ketika proses pengumpulan manuskrip dilakukan beliau tetap gigih berusaha untuk mengumpulkan manuskrip-manuskrip di suatu tempat yang khas demi memelihara dokumen-dokumen lama tulisan tangan tersebut. Jelas bahawa jasa Muhammad Lutfi dalam usaha menubuhkan Pusat Manuskrip amat perlu dihargai kerana atas inisiatif tersebutlah generasi hari ini dapat melihat kehebatan ilmu para ulama terdahulu.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Kajian ini telah diberikan dana untuk menjalankan penyelidikan di bawah skim dana penyelidikan jangka pendek yang bertajuk: Kajian Bibliometrik Manuskrip Melayu & Islam di Pondok al-Ahmadiyah al-Islamiah, Desa Sela Ayam, Narathiwat, Thailand. Kod projek: PPP/USG-0116/FPQS/30/13816

BIBLIOGRAFI

Buku

- A. Bangnara. 1976. *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Angkatan al-Fathani. tp
- A. Teew D. K Wyatt. 1970. *Hikayat Pattani*. tp: The Hague Martinus Nijhoff.
- Abdul Ghani Yakub. 2006. *Min Ma'alim Tarikh Siyasi wa al-'Alam al-Islami fi Fatoni Darul Salam*. tp.
- Ahmad Fathi al-Fatani. 2001. *Pengantar Sejarah Patani*. c2. Kota Bharu: Pustaka Aman Prees Sdn. Bhd.
- Ahmad Fathi al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Pattani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Omar Chapakia. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Kedah Darul Aman: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.

- Ahmad Omar Chapakia. 2003. "Politik Perjuangan Masyarakat Melayu di Selatan Thailand: Suatu Pengamatan Sejarah dan Unjuran Masa Depan" dalam A. Aziz Deraman (ed.)
- Mohd Zamberi A. Malek. 1993. *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Hizbi.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prosiding

- Nik Mohamed bin Nik Salleh. 1985. "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan" dalam *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Shumsudin Yabi. 2015. *Institusi Pendidikan Fatoni (Thailand) dan Usaha Untuk Menyelamatkan Manuskrip: Madrasah Ahmadiyah*. Selangor: Darul Syakir.

Laporan Penyelidikan

- Syed Najihuddin Syed Hassan, Abdulloh Salaeh, Norhasnira Ibrahim, Nidzamuddin Zakaria, Walid Mohd Said, Ma Yu Long, Mohd Fauzi Mohd Amin, Shumsudin Yabi, Najm Abdulrahman Khalaf. 2018. *Laporan Penyelidikan Bagi Kod Projek PPP/USG-0116/FPQS/30/13816*. Nilai: USIM.

Temubual

- Hazamah Ahmad Samae. Guru Madrasah Ahmadiyah. 4 Julai 2016.
- Muhammad Lutfi Ahmad Samae. Mudir Madrasah Ahmadiyah. 3 Julai 2016.
- Muhammad Lutfi Ahmad Samae. Mudir Madrasah Ahmadiyah. 29 Ogos 2017.

BIOGRAFI RINGKAS

Syed Najihuddin bin Syed Hassan. Dilahirkan di Perlis pada 1 Januari 1975. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera, Kangar, Perlis serta pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Alawiyah, Arau, Perlis dan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor DE. Seterusnya, meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda Pengajian Hadith dan Pengajian Islam dengan kepujian (Universiti Islam Madinah) pada tahun 1999 dan seterusnya memperolehi Sarjana Sains Teknologi Maklumat (UUM) pada tahun 2006. Memperoleh diploma pendidikan di IPG Dato Rosali Ismail pada tahun 2006 dalam bidang Pengajian Islam dan bahasa Arab. Pada tahun 2017, telah memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah USIM. Kini bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kepakaran beliau adalah dalam bidang Hadith, Teknologi Maklumat, Manuskrip, Pendidikan dan Pengajian Islam. Beliau boleh dihubungi melalui email: syednajihuddin@usim.edu.my

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.